



•

SARAWAK PURBA

KK 959-5820-5101
ISBN 983-62-2882-9

Buku ini diusahakan penerbitannya oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak, Jalan Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak. Buku ini disunting semula oleh Hajjah Jais dari buku empat bahasa, asalnya berjudul *Old Sarawak: A Pictorial Study*.

Cetakan Pertama, 1972
Edisi Semakan, 1992
© Hak Cipta Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diatur Huruf Oleh See Hua Daily News
Muka Taip Teks: Ionic 5 Roman
Saiz Taip Teks: 10/12 poin

Dicetak Oleh
See Hua Daily News Bhd.
Lot 1125, Seksyen 66,
Jalan Kemajuan, Kawasan Perindustrian Pending,
93450 Kuching, Sarawak, Malaysia Timur.

\$15.00

KANDUNGAN

PENDAHULUAN


Pandangan Sepintas Lalu

Kapal Perang dan Bendera

Kehidupan di Luar Bandar

Kehidupan di Bandar

Pemerintahan Brooke



PENDAHULUAN

SARAWAK mempunyai sejarah yang luar biasa dan beraneka ragam yang boleh diingati kembali oleh orang Sarawak sebagai satu kemegahan yang mereka pusakai. Buku ini bertujuan untuk membentuk satu gambaran tentang kehidupan zaman purba di Sarawak, serta ditambahkan pengenalan ringkas untuk menghidupkan gambaran dalam latar belakang sejarahnya. Sekalipun terdapat keindahan dan hikayat di sekeliling keluarga Brooke dan pemerintahannya yang tersendiri itu dari tahun 1841 hingga tahun 1941, penulis-penulis cuba menggambarkan pula satu perbandingan antara kehendak dalam sejarah di bidang siasah dan sosial bagi mengutarakan satu contoh yang membayangkan beberapa peringkat dalam kehidupan di bawah Raja-Raja Brooke. Gambar-gambar *litho* dan lukisan-lukisan bahagian pertama dan kedua menggambarkan kemuncak dalam sejarah awal negeri Sarawak serta merupakan percubaan pertama orang Eropah untuk mencatatkannya secara bergambar tentang orang Sarawak dan sekelilingnya. Gambar-gambar ini membayangkan dengan lebih tepat kehidupan di dalam dan di luar bandar, dan perkara-perkara berkenaan dengan pemerintahan Brooke di Sarawak. Cerita kita ini meliputi tahun-tahun 1840 hingga kira-kira tahun 1920, oleh itu terdapat gambar-gambar yang sudah disimpan dari lima puluh ke seratus tiga puluh tahun. Ini adalah zaman pemerintahan James Brooke (1841-1868) dan Charles Brooke (1868-1917), termasuk beberapa tahun permulaan pemerintahan Charles Vyner Brooke (1917-1941).

PENDAHULUAN

Kebanyakan gambar dipetik daripada buku lama yang tidak dicetak dan sukar untuk didapati lagi. Gambar-gambar lain dilukis daripada kumpulan gambar di Muzium Sarawak atau diperolehi daripada orang perseorangan dan keluarga di Kuching. Buku ini tidak akan dapat diterbitkan dengan jayanya tanpa kerjasama dan ihsan beberapa orang yang membekalkan gambar yang berkenaan atau memberitahu sumber-sumber untuk mendapatkan bahan-bahan itu. Kami mengucapkan terima kasih kepada Encik Lucas Chin, Penolong Kurator Muzium Sarawak (sekarang pengarah) kerana membenarkan kami menggunakan gambar-gambar simpanan muzium berkenaan serta memberikan nasihat di semua peringkat projek ini. Kami juga mengucapkan terima kasih kepada Encik Junaidi Bolhassan dan Haji Zaitun dari Muzium Sarawak, Abang Muas Datu Abang Haji Safuani dan keluarga, Gerald Ricketts, Dennis Law, Ong Kwan Hin, O.F. Alas dan pihak Muzium Negara Brunei Darussalam.

**Craig A. Lockard
Graham E. Saunders**


1972

PANDANGAN

SEPINTAS

LALU





PANDANGAN sepintas lalu yang kita maksudkan di sini ialah pandangan orang Eropah yang melawat Borneo. Orang lain ada juga menyusuli mereka tetapi tidak ada yang membuat catatan bergambar. Begitu juga dengan orang asli Borneo. Mereka tidak mempunyai catatan bergambar tentang orang yang datang ke tempat mereka itu. Jadi pandangan terhadap negeri ini hanya kita ambil daripada kaca mata orang Eropah terutamanya orang Inggeris.

Orang Inggeris agak lewat juga sampai ke Borneo. Orang Eropah yang pertama kali menjejakkan kaki di Borneo ialah Odoric dari Pordenone, seorang paderi Franciscan, dalam pertengahan tahun 1920-an. Namun begitu, cuma mulai abad keenam belas baharulah orang Eropah datang secara beramai-ramai ke Borneo. Pelawat yang pertama sekali datang ke sini ialah seorang bangsa Itali, Ludovico de Varthema, dalam tahun 1507, yang mendarat di bahagian Timur Laut pulau ini. Dia kemudiannya diikuti pula oleh beberapa orang lain yang antaranya termasuklah seorang yang paling terkenal, iaitu Pigafetta, pencatat sejarah pelayaran Magellan, yang menyifatkan Bandar Brunei sebagai tempat yang sibuk dan aman makmur dalam tahun 1521. Apabila pengaruh orang Eropah mulai bertambah, cara-cara asal perdagangan di bahagian sebelah sini mulai hilang. Sekalipun Brunei menentang serangan orang Sepanyol, pemerintahan bersultan di Brunei mulai lumpuh. Kegiatan orang Eropah tidak melibatkan pantai Barat Daya. Orang Sepanyol menetap di Filipina, sementara orang Belanda yang telah menewaskan orang Inggeris pula menguasai bahagian-bahagian lain gugusan kepulauan Melayu. Namun begitu pada permulaan kurun kelapan belas, kapal-kapal orang Inggeris mulai muncul di gugusan ini dengan kelengkapan yang lebih kuat. Dari pada pandangan Kapten Beekman yang melukiskan gambar orang utan, menunjukkan betapa terhadnya pengetahuan orang Eropah tentang Borneo. Dia singgah di Bandjarmasin untuk cuba membuka perniagaan.

SARAWAK PURBA


Bahagian Barat Daya Borneo tidak pernah dilawati oleh orang Inggeris sehinggalah apabila James Rendall melalui pantai itu dan melawat Sulu dalam tahun 1762-1763. Tidak lama selepas itu, Syarikat India Timur membuka satu tempat kediaman di Balambangan dalam tahun 1773. Apabila ia dimusnahkan oleh lanun, mereka yang terselamat tinggal sementara di Labuan sebelum syarikat itu membatalkan cadangan untuk membuka pusat perniagaan di kawasan itu.

Masa James Brooke berlayar ke Sarawak dalam tahun 1839, sedikit sahaja yang diketahui tentang pantai Barat Daya. Apabila dia menetap di Kuching, kapal orang Inggeris selalu sahaja melawat ke sini. Kebanyakan kapal ini adalah kapal angkatan laut yang membawa orang yang hendak mencatatkan tentang apa yang mereka lihat daripada dalam gambar serta yang mereka dengar itu. Pada pandangan orang Inggeris, kesuburan kawasan bawah angin di Sarawak adalah satu perkara yang luar biasa dan sukar untuk digambarkan. Setengah-setengah gambar seperti lukisan acara permainan gasing merupakan gambaran semulajadi tumbuh-tumbuhan yang kejelasan jalur-jalurnya sahaja yang membuatnya nampak tidak benar. Dengan kata lain, pandangan-pandangan awal pengikut-pengikut Brooke membuat gambaran yang berdasarkan tempat-tempat peranginan di Britain. Orang Dayak juga menimbulkan kerumitan kepada pelukis-pelukis itu. Lelaki dan perempuan yang bersifat sederhana itu digambarkan dengan cara-cara yang romantik seperti 'orang liar terhormat' di Eropah; kurang menepati keadaan yang sebenarnya. Mungkin ini disebabkan oleh kurangnya kaliber pelukis-pelukis berkenaan, mengakibatkan lukisan-lukisan mereka nampak tidak bermaya, hinggakan tarian-tarian perang nampaknya tidak lebih daripada tablo yang kaku.

Sebelum penggunaan alat-alat kamera, pelukis-pelukis amaturnya tidak terkenal seperti sekarang. Kapten Bethune, dari *H.M.S. Driver*, melawat Kuching

pada tahun 1845 dan telah mengiringi James Brooke ke Brunei dan Labuan. Kapten Keppel yang memerintah kapal *Dido* dalam angkatan menentang lanun-lanun Iban adalah sahabat karib James Brooke. Lukisan Frank Marryat, seorang pegawai muda laut pelatih dengan kapal *Samarang* dianggap sebagai yang paling baru dan menarik. Beliau ialah anak kepada penulis novel terkenal, Kapten Marryat, dan telah melawat Sarawak pada tahun 1884. Mereka ini dan pelawat-pelawat awal yang lain telah mampu melukis dengan agak tepat dan lukisan-lukisan dan gambar *litho* mereka ini menggambarkan pandangan orang Eropah dahulu kala tentang Sarawak. Mereka juga membayangkan keghairahan pengembara yang mula-mula sampai sehinggakan catatan mereka dipenuhi dengan gambaran geografi, iklim, flora dan fauna, penduduk-penduduknya, pakaian serta artifaknya, kumpulan kosa kata dan legenda mereka. Demikianlah Sarawak purba mengikut pandangan pelukis Eropah pada masa itu.

SARAWAK PURBA



Gambaran bagi orang utan pada awal abad ke-18.

PANDANGAN SEPINTAS LALU



Kuching pada tahun 1840.




Sungai Sarawak dan Bandar Kuching pada tahun 1846.

SARAWAK PURBA



Tempat kediaman pertama James Brooke pada awal tahun 1840.



Pemandangan Bukit Mata Kuching dari tempat kediaman James Brooke pada awal tahun 1840.

PANDANGAN SEPINTAS LALU



Sekumpulan Dayak Lundu pada awal tahun 1840.



Dayak Lundu pada tahun 1846.

SARAWAK PURBA



Tarian Perang orang Dayak pada tahun 1846.




Dayak Saribas pada tahun 1846.

PANDANGAN SEPINTAS LALU



Tetamu-tetamu Inggeris di satu jamuan besar-besaran di rumah panjang Gasing di Batang Lupar.



KAPAL PERANG

DAN

BENDERA



PADA 1 Ogos 1839, James Brooke ternampak pantai Borneo buat pertama kalinya. Sehingga umurnya meningkat tiga puluh enam tahun, belum ada apa-apa yang dilakukannya yang dapat menjadi kebanggaan. Tetapi pada waktu itu dia telah 'didorong oleh satu azam yang tetap serta teguh untuk mencuba melakukan sesuatu bagi menjadi satu khidmat yang akan berguna kepada umat manusia terutamanya kepada dirinya sendiri'. Dia datang membawa surat-surat dan cenderamata daripada pegawai-pegawai Singapura serta masyarakat pedagang di sana untuk Pengiran Muda Hassim, ayah saudara Sultan Omar Ali Saifuddin, waris takhta kerajaan Brunei, yang juga ditugaskan untuk mengamankan daerah galian antimoni dan emas di Sarawak daripada keadaan pemberontakan terhadap pemerintahan Gabenor mereka, Pengiran Mahkota. Brooke sangat mengagumi Hassim dan Mahkota; lantas meneroka sebahagian daripada daerah itu dan kemudian berlayar menuju Sulawesi. Dengan dorongan daripada tulisan-tulisan Stamford Raffles, orang yang mula-mula menjumpai Singapura, dia berharap akan mendapatkan satu tapak di kawasan itu bagi mengukuhkan pengaruh Inggeris di gugusan yang belum dikuasai oleh orang Belanda itu. Namun begitu, Sarawak tidak pernah terlintas dalam fikirannya.

Pada penghujung tahun 1840 dia datang lagi ke Sarawak dengan perasaan kecewa selepas melihat kerajaan bumiputera di Sulawesi. Pemberontakan masih lagi berterusan dan Hassim memohon bantuan Brooke untuk memberhentikan pemberontakan tersebut. Dengan bantuan beberapa orang Eropah yang bersenjatakan senapang, bersama-sama askar Brunei, pemberontak telah berundur, dan dengan pengaruh James Brooke mereka tidak dihukum berat. Sebagai penghargaan atas pertolongannya menamatkan pemberontakan itu, Hassim telah menyerahkan kerajaan negeri Sarawak kepada James Brooke, satu perkara yang menimbulkan permusuhan antaranya dengan Mahkota yang menentang

penyerahan itu sehingga menyebabkan kelewatan Hassim daripada menunaikan janjinya itu. Brooke hanya diberikan hak untuk tinggal dan berniaga sahaja di situ, tetapi dia sedar perniagaannya tidak akan berjaya kalau kedudukannya tidak tetap. Apabila Hassim bertanggung juga lagi, Brooke menghalakan meriam-meriam di kapalnya, *Royalist*, ke istana, dan dia naik ke tebing dengan diiringi oleh juruiringnya untuk mengambil alih kerajaan negeri Sarawak.

Ini hanyalah merupakan langkah pertama. Dalam bulan Julai 1842, Brooke telah melawat Brunei untuk menyelamatkan beberapa orang pelaut British yang telah menjadi mangsa lanun-lanun, serta untuk mendapatkan tauliah daripada Sultan tentang penyerahan yang telah dilakukan oleh Hassim itu. Dengan itu kuasanya diakui dan Brooke pun memulakan tentangannya terhadap orang Dayak Laut di bawah pimpinan Para Sherif Peranakan Arab yang separuh merdeka. Mereka ini sentiasa menyerang dan merompak kawasan-kawasan tepi laut Sarawak. Dengan menekankan kegiatan-kegiatannya menentang lanun-lanun, Brooke telah mendapat bantuan daripada pihak Angkatan Laut Diraja, walaupun pada hakikatnya tujuannya hanyalah untuk menghapuskan pengaruh-pengaruh politik yang bercorak paksaan dan kejam. Dalam angkatan pertamanya menentang orang Dayak Saribas pada bulan Jun 1843, Brooke telah mendapat bantuan tenaga anak-anak *H.M.S. Dido*, yang diketuai oleh Kapten Henry Keppel, sahabat dan penyokong seumur hidup Brooke. Serangan ini dan satu lagi serangan lain terhadap Dayak Saribas dan Skrang dalam bulan Ogos 1844 dipersetujui oleh Hassim kerana kedua-dua wilayah itu adalah di luar kuasa Brooke.

Hassim masih lagi berada di Sarawak, yang merupakan satu punca kekuasaan dan sasaran taat setia. Namun begitu, Brooke mahu agar dia berada di Brunei. Di situ terdapat golongan anti-British yang diketuai oleh Pengiran Usop dan Mumin yang mempengaruhi Sultan. Ke-

dudukan Hassim di kalangan orang besar Brunei telah goncang semasa dia tidak ada di sana dan harapannya untuk mendapatkan kembali kedudukan itu hanyalah dengan adanya bantuan Inggeris. Jadi dalam bulan November 1844 Hassim dihantar balik ke Brunei dengan diiringi oleh Brooke dengan menaiki kapal *H.M.S. Samarang* yang diketuai oleh Kapten Belcher berserta kapal *Phlegethon* kepunyaan Syarikat India Timur. Pertahanan di kubu Brunei telah dijadikan helah bagi kapal Belcher untuk datang bersama-sama mengiringi perundingan itu. Apa yang dituntut oleh Brooke tidak dipenuhi dengan sepenuhnya. Hanya setelah kapal *Phlegethon* menumpukan meriamnya ke Dewan Perhimpunan Sultan Brunei barulah Sultan bersetuju memecat Usop dan Hassim menggantikannya sebagai Menteri Besar serta menyerahkan Labuan kepada Inggeris. Brooke dapat membayangkan bagaimana pentingnya Labuan untuk dijadikan pembekal arang batu dan pusat perniagaan yang boleh menguasai bahagian pantai utara Borneo dan melindungi pihak yang menyokong British yang diketuai oleh Hassim dan saudaranya, Badruddin, yang pada waktu itu berpengaruh di Brunei.

Usop merancangkan tentangan terhadap Hassim dan mengeratkan perhubungan dengan ketua-ketua lanun di Borneo Utara. Dalam bulan Ogos 1845, beberapa buah kapal Inggeris membedil rumahnya. Dia melarikan diri tetapi kembali semula setelah kapal-kapal itu pergi dari situ. Percubaannya untuk melumpuhkan kuasa Hassim dan pengikut-pengikutnya telah gagal dan dia telah dihukum bunuh atas perintah Sultan. Walaupun begitu ketegangan itu masih juga berlanjutan. Oleh kerana berprasangka bahawa Hassim bertujuan untuk merampas takhta kerajaan, maka dalam tahun 1845 atau awal tahun 1846, Sultan telah memerintahkan orang membunuh Hassim dan saudara-saudaranya. Kejadian sedih ini sampai ke pengetahuan Brooke hanya dalam bulan April 1846. Tindak balas Brooke menyebabkan Brunei menjadi lebih rapat di bawah pengaruh Inggeris. Akhirnya La-

buan pula telah diduduki dan dijadikan pusat pertahanan dan di situlah juga strategi diatur untuk memperluaskan negeri Sarawak dengan Brunei menjadi mangsanya.

Pemerintahan Brooke telah mendapat cabaran dari dalam negeri dan yang paling merupakan satu fantasi ialah percubaan pelombong emas berketurunan Cina di Bau yang cuba melanggar Kuching dalam bulan Februari 1857 dan Raja sendiri hampir-hampir maut. Pelombong ini tidak mendapat sokongan yang padu dan kedatangan sebuah kapal Syarikat Borneo dan angkatan perang orang Dayak Laut yang diketuai oleh anak saudara James bernama Charles Brooke Johnson, mengakibatkan mereka lari bertempiran. Satu tindak balas yang dahsyat telah dilakukan ke atas mereka oleh orang Dayak Laut dan orang Melayu hingga hanya sebahagian kecil daripada mereka yang dapat menyelamatkan nyawa mereka dan lari ke Kalimantan di bawah pemerintahan Belanda.

Kuching telah dibina semula dan rejim Brooke telah dapat meneruskan pemerintahannya. Di bawah pemerintahan anak saudara James Brooke, Rajah Charles, pentadbiran menjadi lebih kukuh dan cekap. Lebih banyak wilayah telah diambil alih dari Brunei sama ada dengan cara perundingan ataupun secara paksa. Kehadiran British di Labuan bolehlah disifatkan sebagai kejayaan James Brooke yang telah menyelamatkan kedudukan pemerintahan bersultan daripada menjadi satu kuasa menyeluruh jiran-jirannya yang sentiasa mencari peluang.

Masa seperti yang ada dalam gambar-gambar ini telah lama berlalu. Walau bagaimanapun Sarawak dan Brunei tidak banyak berubah, tidak sukar untuk membayangkan kembali pemandangan-pemandangan sedemikian, seperti angkatan berbaju biru yang basah kuyup dengan keringat mendayung perahu di batang Skrang dan Saribas, letupan-letupan meriam serta teriakan-teriakan perang orang Dayak Laut sewaktu perahu mereka melintas di simpang-simpang sungai. Kawasan

perairan Brunei yang luas itu masih dapat membayangkan layar-layar perahu Laksamana Cochrane dan mudah pula bagi kita membayangkan akan pemandangan Kampung Air Brunei dengan kapal *Phlegethon* yang dengan megah belayar di samping meriam-meriamnya yang penuh berisi peluru, sebagai lambang satu kuasa yang tidak dapat ditentang, yang telah membuat seorang peneroka British sebagai pemerintah sebuah negeri Asia dan mengancam dengan berkesan satu pemerintahan bersultan yang telah berkurun itu, pemerintahan yang mempunyai sejarah kegemilangannya sendiri.

SARAWAK PURBA



Rajah James Brooke.

KAPAL PERANG DAN BENDERA




Raja Muda Hassim.

SARAWAK PURBA



Sultan Brunei, Sultan Omar Ali.



Balai Mengadap Raja Muda Hassim di Kuching pada tahun 1842.




Serangan pasukan Kapten Keppel ke atas pemberontak-pemberontak Iban Saribas di Sungai Padeh pada tahun 1843.

SARAWAK PURBA



Serangan kapal *H.E.I.C.S. Phlegethon* ke atas Kanowit pada tahun 1846.



Serangan orang Dayak ke atas perahu dari kapal *Iris* dan *Phlegethon* pada tahun 1846.

www.ck12.org

KAPAL PERANG DAN BENDERA




Perahu perang balik ke Kuching selepas menjalankan sebuah ekspedisi.

SARAWAK PURBA




Pertempuran antara tentera Inggeris dan lanun Iban
dekat Tanjung Datu.


KAPAL PERANG DAN BENDERA



SARAWAK PURBA



Upacara menandatangani Perjanjian pada tahun 1844 di Brunei.



Penawanan Brunei oleh Pasukan British pada tahun 1846.

**KEHIDUPAN
DI
LUAR BANDAR**



KAUM yang menjadi penghuni terbesar di luar bandar di Sarawak pada zaman purba ialah orang yang digelar secara umum sebagai 'Dayak', iaitu mereka yang bukan Islam, seperti orang Iban (Dayak Laut), Bidayuh (Dayak Darat), Kayan, Kenyah, Kelabit dan kaum-kaum lain yang pada mulanya tinggal di tepi-tepi sungai di kawasan pedalaman. Bagi orang ini, rumah panjang merupakan asas penyelenggaraan sosial dan ekonomi kehidupan mereka. Di kalangan yang lain pula seperti di Sebuyau dan Kanowit, rumah panjang adalah punca kewujudan masyarakat berkampung. Bagi kumpulan lain pula kehidupan berumah panjang penting untuk mematahkan pengaruh dunia moden. Keaslian kepercayaan animisme masih mempunyai kesan di kalangan mereka yang beragama Islam dan Kristian. Penanaman padi bukit menjadi pekerjaan utama bagi orang yang tinggal di pedalaman dan perpindahan dari satu tempat ke satu tempat yang lain untuk mencari kawasan yang subur dan belum ditanami adalah perkara biasa terutamanya di kalangan orang Iban. Malah kegiatan seperti inilah yang menjadi sebab orang Iban dapat kita temui di seluruh Sarawak pada hari ini. Tempat asal mereka ialah di Batang Lupar.

Satu kebudayaan asli yang terkenal bagi orang Dayak ialah adat memotong kepala, lambang nilai keagamaan dan kebudayaan. Adat ini dipegang teguh oleh orang Iban walaupun kumpulan Dayak lain ada juga yang mengamalkannya. Beberapa gambar dalam buku ini menunjukkan beberapa perkara yang berkaitan dengan adat memotong kepala ini, misalnya gambar wanita Dayak yang menari pada waktu menerima persembahan kepala. Kedua-dua kegiatan ini, iaitu amalan berpindah-randah dan adat memotong kepala ini telah membawa kepada perpecahan antara orang Dayak ini, serta telah membawa kepada pertelingkahan dengan kerajaan Brooke. Akibatnya, kegiatan memotong kepala telah dihapuskan serta diharamkan dan kebiasaan berpindah-randah pula telah disekat. Dalam usaha meng-

SARAWAK PURBA

hapuskan kegiatan memotong kepala dan memerintah orang Dayak yang kadang-kadang degil ini, Rajah bergantung besar pada bimbingan penghulu-penghulu. Antara yang paling terkenal ialah Tama Bulan Wang, seorang Kenyah, dan Temenggong Koh dan Penghulu Dalam Munan, Ketua Kaum Iban.

Kehidupan di kampung-kampung orang Melayu dan Melanau lebih permai. Malangnya hanya sedikit gambar yang diperolehi yang dapat menunjukkan kehidupan purba orang Melayu. Antara sebabnya ialah pelawat asing lebih berminat terhadap orang Dayak. Orang Melayu dan Melanau pada mulanya adalah penghuni-penghuni bahagian pantai negeri ini. Sebahagian besar daripada mereka adalah nelayan, dan orang Melanau pula antaranya adalah penanam rumbia. Banyak orang Melanau Islam yang masih mengamalkan perkara yang mereka lakukan sebelum mereka menganut agama Islam.

Penghuni-penghuni luar bandar bukan hanya orang Dayak, Melayu dan Melanau tetapi banyak juga orang Cina yang menjadi pelombong emas di kawasan Bau. Sehingga tahun 1870 beribu-ribu orang Cina menanam lada, gambir dan tanaman-tanaman lain. Sebahagian daripada pengusaha ladang besar telah mengambil orang Melayu dan Cina sebagai buruh ladang mereka; ini telah mengubah keadaan ekonomi negeri Sarawak daripada pertanian untuk sara hidup seharian kepada pertanian yang melibatkan kewangan. Lebih separuh daripada orang Cina sejak itu terus berkecimpung dalam lapangan pertanian.

Rumah panjang dan kampung-kampung, padi bukit dan rumbia; hal ini dan aspek-aspek kehidupan tradisi lain di luar bandar masih dianggap penting hingga ke hari ini dan ia merupakan satu kesinambungan yang erat dengan zaman silam. Tanaman-tanaman yang membawa punca pendapatan seperti getah mula mendapat tempat di kalangan petani Dayak dan Melayu, yang pada mula-

nya hanya terdapat di kawasan-kawasan yang tertentu sahaja.

Agama Kristian mula disebarikan pada pertengahan kurun kesembilan belas, bermula dari pusat-pusat awalnya di Bahagian Pertama dan Kedua, ke bahagian-bahagian lain di negeri ini. Islam pula terus berkembang perlahan-lahan tetapi berkesan, di kalangan orang Melanau. Akibatnya, orang yang percayakan animisme ini telah menjadi orang Islam. Pengaruh orang Cina yang rajin dan pandai mengumpul harta mula jelas di luar kawasan yang diduduki oleh mereka di Bahagian Pertama, Sarawak. Walaupun ada golongan kecil orang Cina yang menyusup masuk berdagang di tebing-tebing Sungai Baram dan Rajang beberapa tahun sebelumnya, namun mereka hanya tinggal tetap di situ dalam kurun ini. Jadi pengaruh mereka berkembang agak perlahan.

Perubahan dalam kehidupan di luar bandar juga agak perlahan. Kebanyakan rumah panjang adalah jauh terpencil kerana sistem perhubungan di bawah Rajah pertama dan kedua ketinggalan zaman dan sangat bergantung pada sungai. Jumlah sekolah untuk penuntut luar bandar juga sangat berkurangan. Sekolah-sekolah yang ada hanyalah yang ada pertaliannya dengan golongan mubaligh Kristian yang berpusat di kebanyakan tempat di Bahagian Pertama dan Kedua itu, hingga ke kurun ini. Orang yang tinggal berhampiran dengan kawasan ini terdedah kepada budaya-budaya asing. Kaum lain seperti kaum Kelabit juga jauh daripada mubaligh Kristian dan pemerintahan Brooke, hinggan mereka tidak diketahui oleh pentadbir-pentadbir Brooke ketika itu. Orang yang sentiasa berpindah-randah, iaitu penghuni-penghuni belantara seperti Punan juga tersekat hubungannya dengan pengaruh-pengaruh luar ini.

Dengan melihat sepintas lalu gambar yang kami bentangkan ini boleh memberi gambaran terhadap satu cara kehidupan yang berbeza sedikit daripada keadaan hari ini. Kehidupan di luar bandar di seluruh dunia menunjukkan ada kesinambungan jika dibandingkan de-

SARAWAK PURBA

ngan bandar, dan keadaan di Sarawak juga tidak terkecuali. Kalau diteliti dengan lebih dekat, gambar-gambar ini menunjukkan bahawa budaya mereka tidak statik. Pakaian dan fesyen, misalnya ternyata menerima perubahan kebelakangan ini. Beberapa budaya asli yang ada dalam gambar ini sekarang telah hampir pupus dan digantikan dengan kemajuan teknologi moden. Agama dan perubatan cara tradisional yang digambarkan, misalnya yang dilakukan oleh bomoh orang Kenyah yang digelar *dayong*, kini telah mendapat persaingan hebat daripada pengaruh moden. Adat memotong kepala dan beberapa kebudayaan lainnya, sebahagian besarnya juga telah lenyap. Sebahagian daripada pertukangan tangan asli seperti tenunan asli orang Iban jarang-jarang dapat kita ketemukan. Rumah panjang juga pada hari ini nampaknya lebih maju daripada waktu gambar ini diambil. Walau bagaimanapun di luar bandar, seperti tahun-tahun yang lampau, pemandangan dari beranda rumah hinggalah ke gambar seorang penghulu tua masih biasa kita lihat hingga zaman ini di Sarawak.



Orang Klemantan di Madang.



Abang Deng, ketua kaum
Klemantan, di Long Wat.



Tama Bulan Wang, ketua
kaum Kenyah.

SARAWAK PURBA



Wanita Iban Saribas sedang bertenun.



Orang Iban Batang Lupar.



Orang Iban di Bahagian Sri Aman.



Orang Iban Skrang.

SARAWAK PURBA



Wanita Iban menari membawa kepala.



Saudagar Jeti dari kawasan Krian.

KEHIDUPAN DI LUAR BANDAR

Penghulu Dalam Munan,
Ketua Iban pada penghujung
abad ke-19 dan awal abad
ke-20.




Temenggong Koh.

SARAWAK PURBA



Orang Lundu Sebuyau.



Orang Kayan menghidupkan api dengan cara pusaran.



Orang Kayan menjual kapur barus kepada orang Cina.



Gadis Kenyah membawa kepala.

SARAWAK PURBA



Tama Usong, Ketua Kaum Kayan.



Laki Bo, Ketua Kaum Kayan.



Ketua Wanita Kaum Kayan.



Dayong (Bomoh) orang Kenyah memakai topeng.

SARAWAK PURBA



Tukang besi kaum Kelabit menggunakan tukul batu.



Lelaki Kelabit.



Rumah tempat menyimpan kepala bagi orang Dayak Darat di Peninjau.



Ketua Kaum Dayak Ulu Sadong.



Lelaki Dayak Darat/Bidayuh.



Gadis Dayak Darat/Bidayuh.



Gadis Bukatan.



Ketua kaum Skapan dan isteri-isterinya, di Ulu Rejang.


SARAWAK PURBA



Wanita Kanowit di Ulu Sungai Rejang.



Budak lelaki Punan.



Orang Melanau dengan pakaian teristimewa mereka.



Bayi Kaum Melanau memakai pembentuk kepala.

SARAWAK PURBA



Dawi, Tua Kampung orang Melanau, bersama-sama keluarganya.



Lelaki Punan di Long Akah, Baram.




Pekerja Melayu di sebuah ladang di Bahagian Kuching.

SARAWAK PURBA



Pelombong emas berbangsa Cina di Bau.



Istiadat orang Murut memuja kepala manusia.



Wanita Melayu.




Bahagian dalam rumah panjang kaum Kayan.

KEHIDUPAN

DI

BANDAR





KECUALI Bandar Brunei, bahagian barat laut Borneo hampir kesemuanya adalah kawasan luar bandar apabila James Brooke mula datang pada tahun 1839. Walaupun begitu, terdapat satu kawasan kediaman orang Melayu di Kuching, pusat pentadbiran orang Melayu Brunei untuk kawasan Sungai Sarawak; maka tentulah Brooke memilih kawasan ini menjadi ibu negerinya. Mulai waktu itu, tempat kediaman orang Melayu itu menjadi bandar terpenting di bahagian utara Borneo, di samping merupakan pusat siasah, pentadbiran, perdagangan dan sosial bagi negeri Sarawak. Hanya setelah Perang Dunia Kedua, bandar seperti Sibu dan Miri mula membangun dan menandingi kemajuan Kuching.

Seperti sekarang, waktu itu bandar berpusat di sekitar daerah pasar orang Cina yang terletak di seberang sungai berhadapan Istana Brooke dan Kubu. Pada hakikatnya, kehidupan di bandar dimonopoli oleh orang Cina. Pasar menyediakan kemudahan perdagangan dan sosial. Kebanyakan orang Cina tinggal di loteng-loteng kedai atau di rumah tumpangan di pasar itu. Hanya orang Cina yang kaya dan kumpulan kecil orang Eropah yang tinggal di banglo di luar kawasan bandar. Jalan Padungan, pusat perniagaan yang begitu berkembang sekarang, hanya baik sedikit daripada sebuah kilang rumbia, manakala kawasan bandar kecil di bahagian barat dan selatan pasar itu baharu mula membangun. Antara perbezaan lain ialah dulu Lebuh India bersambung dengan Lebuh Carpenter, tempat letaknya Bank Negara sekarang manakala pentas *band* dan tempat peranginan dijadikan Padang Sentral. Tidak ada gudang yang menghadang pemandangan sungai dari arah Main Bazaar. Sungai Kuching, asal nama bandar ini diambil, hanya ditambah dalam masa sedekad atau dua dekad setelah kurun kesembilan belas berakhir. Kawasan itu menempatkan Lebuh Temple yang ada sekarang.

Orang Cina mula datang dengan terbentuknya kerajaan Brooke. Dalam masa yang singkat mereka menjadi kumpulan yang terbesar menduduki kawasan ban-

dar, terutamanya setelah kemasukan beramai-ramai orang Cina ke negeri ini selepas tahun 1870. Terdapat juga kumpulan orang India yang kebanyakannya beragama Islam. Banyak juga orang Melayu Sarawak tinggal di Kuching dan bandar-bandar lain; sememangnya Kuching bermula sebagai bandar orang Melayu dan menempatkan penduduk Melayu yang agak ramai. Hanya sejumlah kecil orang Melayu tinggal di kawasan pekan; kebanyakan mereka tinggal di kampung di seberang sungai dan di bahagian barat dan tenggara pekan itu. Sebahagian daripada penduduk Melayu di barat dan tenggara pekan telah berpindah. Kampung, merupakan tempat yang kekal, menggambarkan gabungan hidup di bandar dan di luar bandar yang pada hakikatnya mengandungi caranya yang tersendiri, selalunya terletak di dalam atau di sekeliling bandar. Keadaan ini lebih jelas pada masa-masa yang silam.

Jumlah penduduk Kuching bertambah daripada kira-kira 6,000 orang dalam tahun 1848 menjadi 20,000 orang dalam tahun 1880 dan hampir-hampir 30,000 dalam awal kurun kedua puluh. Kehidupan sehari-hari di bandar tidak tetap. Bagi orang Cina, gudang am bagi kedai kecil dapat dijadikan tempat makan dan minum serta hiburan. Wayang Cina yang diadakan pada waktu-waktu yang tertentu, selalunya dianjurkan oleh kumpulan penjudi atau penghisap candu yang bertujuan untuk menarik tauke-tauke kepada judi dan candu dan bukan untuk memperkembangkan kebudayaan Cina di Sarawak. Perarakan kedua-dua agama Kristian dan Cina tradisional, perlumbaan tahunan, lumba perahu dan perkelahian di Santubong, satu kawasan tepi laut, juga menjadi punca hiburan. Muzium Sarawak yang dibuka pada tahun 1891, juga merupakan tempat yang diminati. Beca merupakan pengangkutan yang biasa. Waktu itu terdapat banyak sekolah Cina serta sekolah *Anglican* dan Roman Katolik, yang jauh lebih kecil dan kurang sofistikated daripada yang ada sekarang. Tauke-tauke Cina yang terkenal seperti Law Kian Huat dan Ong Ewe Hai.

yang menjadi pengasas kerabat-kerabat Ong dan Law yang terkenal itu, merupakan tenaga utama dalam kegiatan kemasyarakatan.

Kehidupan orang Melayu pula lebih ketat. Wanita selalunya bertudung dan jarang-jarang dilihat di luar rumah. Adat ini hanya berakhir pada zaman penaklukan Jepun. Setengah-setengah orang Melayu merupakan orang yang sangat terkemuka dalam pentadbiran Brooke dan sangat giat dalam kerja kemasyarakatan. Majlis Tertinggi terdiri daripada banyak orang Melayu Kuching. Terdapat banyak sekolah Melayu yang mengajar mata pelajaran yang diperlukan dan pelajaran al-Quran. Orang seperti Encik Abubakar, seorang guru besar, merupakan tumpuan intelektual di bandar itu.

Sebenarnya, bukan Kuching sahaja bandar yang wujud pada waktu itu, tetapi kebanyakan gambar yang mudah didapati adalah gambar ibu kota ini. Bau, Simanggang, Sibul dan Bintulu, adalah bandar yang penting juga pada zaman itu. Namun begitu kehidupan di kawasan-kawasan luar ini adalah lebih lengang. Bau adalah pusat perlombongan tempat orang Cina dan Eropah bekerja untuk mendapatkan emas dan antimoni. Syarikat Borneo Berhad telah menyediakan landasan keretapi di Lombong Bidi. Walaupun Sibul merupakan bandar yang penting pada pertengahan tahun 1880-an, Sibul hanya menunjukkan perubahan moden dengan memasukkan orang Foochow dalam tahun 1901. Sebuah pekan luar bandar yang tersendiri ialah Marudi, yang waktu itu dikenali sebagai Claudetown. Terdapat kedai orang Cina yang menghala ke arah sungai dan pelanggan-pelanggannya terdiri daripada pelbagai kumpulan orang Dayak yang membekalkan barang-barang untuk jualan pekedai Cina. Perniagaan waktu itu masih lagi menggunakan sistem *barter*. Jumlah penduduk pekan ini tidak pernah melebihi angka ratusan orang.

Gambar-gambar yang dipilih untuk bahagian ini dapat menunjukkan bahawa kehidupan di bandar, sekurang-kurangnya pada zahirnya, telah berubah dengan

SARAWAK PURBA

pesat dibandingkan dengan kawasan luar bandar dalam masa beberapa tahun. Sudah tentu peringkat-peringkat perubahan sosial, ekonomi dan kebudayaan ini lebih jelas di bandar. Pemandangan di Kuching jauh berubah daripada apa yang ada pada gambar-gambar ini walaupun keadaannya masih boleh dikenal pasti oleh orang yang hidup pada zaman-zaman awal itu. Walaupun perahu bandung kini ditukar dengan perahu-perahu yang berjentera, atap-atap nipah atau belian bagi rumah kedai kini ditukar dengan bata dan simen; namun kehidupan di bandar tidak banyak bezanya dengan zaman yang telah lalu itu.



Kuching pada tahun 1864.

KEHIDUPAN DI BANDAR




SARAWAK PURBA



Pemandangan ke Ulu Sungai dari arah Bukit Mata, pada tahun 1864.

KEHIDUPAN DI BANDAR



SARAWAK PURBA



Rumah Kerajaan pada tahun 1860.



Tepian perairan Bandar Kuching pada tahun 1900.




Pemandangan Sungai Sarawak pada tahun 1910.



Pasar sayur lama.

SARAWAK PURBA



Kedai Cina di pekan Kuching pada tahun 1870.



Main Bazaar pada tahun 1880.



Pemandangan Main Bazaar dari Jalan Thompson.

SARAWAK PURBA



Tempat peranginan dan pentas *band*, Kuching.



Perarakan orang Cina di sepanjang Main Bazaar pada tahun 1900.



Penjaja di Kuching pada tahun 1915.



Beca dengan penumpang kanak-kanak pada tahun 1915.

SARAWAK PURBA



Padang lumba kuda dan orang ramai pada tahun 1890.



Padang Lumba Kuda Kuching pada tahun 1910.



Perarakan Roman Katolik, Kuching.



Sekolah Perempuan S.P.G., Kuching, tahun 1910.

SARAWAK PURBA



Latihan senaman.



Sekolah Saint Thomas, tahun 1908.



Muzium Lama dan Jalan Rock.



Rumah Abdullah, tahun 1870.

SARAWAK PURBA



Beberapa orang yang terkemuka di Kuching pada tahun 1865. Nombor 2 dari kiri: Mastan, K. Medin, Abdullah, Law Kian Huat.



Beberapa orang Ketua Kaum di Kuching, 1910.

Berdiri dari kiri ke kanan:

Doktor berbangsa Jepun, Chong Long, Ketua Pejabat Post, Dr. Chan, Dr. Ding.

Duduk dari kiri ke kanan:

Datuk Patinggi, Abang Abdillah, Encik Abu Bakar, (tidak dikenali).

SARAWAK PURBA



Ong Ewe Hai.



Kanak-kanak Cina.



Pasukan Bolasepak S.P.G., tahun 1918.

SARAWAK PURBA



Berkelah di Santubong.



Bekerja di lombong antimoni, tahun 1870.

SARAWAK PURBA

Trem Bau-Bidi.




Peneroka mencari kehidupan di Ulu Sarawak.



KEHIDUPAN DI BANDAR




Pasar Marudi, tahun 1880.



PEMERINTAHAN

BROOKE





PEMERINTAHAN Brooke merupakan satu kejayaan yang luar biasa. James Brooke adalah pemerintah yang berdikari. Sarawak telah dapat mengibarkan benderanya sendiri, mengeluarkan setem-setemnya sendiri, membentuk wang syilingnya sendiri, mempunyai angkatan tentera kecil dan angkatan laut, serta keperluan-keperluan lain sebagai sebuah negeri yang merdeka. Namun begitu, kedudukannya sebagai pemerintah itu agak aneh. Bayangkan saja seorang rakyat Ratu Inggeris menjadi pemerintah sebuah negeri yang tidak ada kenangena dengan takhta kerajaan orang Inggeris? Kerajaan British tidak mengendahkan perkara ini selama dua tahun. Hanya dalam tahun 1888 langkah diambil untuk menempatkan negeri ini di bawah naungan kerajaan Inggeris. Ia telah menyelaraskan kedudukan negeri ini dan boleh diterima oleh pejabat luar Inggeris. Namun begitu timbul juga persoalan di kalangan mereka; bahawa Sarawak tidak layak untuk diiktiraf dalam mana-mana kategori yang tertentu.

Rajah James Brooke telah berjaya menubuhkan pemerintahan Brooke dengan bantuan pegawai-pegawai Eropah. Dia bergantung penuh pada ketaatan para Datu Melayu Sarawak. Kalaulah bukan kerana mereka, James Brooke mungkin tidak dapat memerintah negeri ini. Buat beberapa tahun, keadaan amat membimbangkan, tetapi menjelang saat-saat akhir Brooke, dia telah diiktiraf sebagai pemerintah mereka. Anak saudaranya Charles Johnson Brooke, yang pada hakikatnya adalah pemerintah yang sebenarnya pada waktu kemerosotan pemerintahan James, telah mempusakai keadaan politik yang stabil. Raja Charles meneruskan amalan pemerintahan yang memberikan peranan utama kepada ketua-ketua kaum Melayu bagi menyelenggarakan pemerintahan negeri serta menyandang tugas-tugas penting dalam Majlis Tertinggi dan Majlis Mesyuarat Negeri yang baru bermula itu. Kedua-dua majlis ini adalah badan penasihat kerajaan.

Jika kekesanan kerajaan bergantung pada orang

Melayu dan golongan elit orang Eropah, penjagaan keamanan negeri serta pengenaan pemerintahan Brooke pula bergantung pada kumpulan orang Iban, kumpulan orang Dayak yang paling besar di Sarawak. Sekaligus, orang Iban adalah rakyat yang mendatangkan kesusahan dan pejuang yang paling taat kepada Rajah. Para ketua yang masih mengikut cara dan fikiran sendiri sering menentang sebarang pelanggaran hak oleh pemerintah; sementara golongan yang menerima pemerintahan Brooke pula akan bersatu mempertahankanya apabila kerahan perang disampaikan di kalangan mereka; malah itulah peluang bagi mereka memenuhi keinginan keras mereka untuk berperang; menentang musuh dengan cara yang dianggap 'sah' oleh pemerintah. Menyamun, memotong kepala dan keseronokan berperang itu sahajalah yang menjadi satu macam 'ganjaran' buat mereka dan kepercayaan Rajah Charles terhadap mereka ini telah mengekalkan kegiatan-kegiatan seperti ini sekalipun pada hakikatnya Rajah Charles berusaha untuk menghapuskannya. Sebenarnya, Rajah Charles sendiri adalah ketua perang orang Iban dan semangatnya akan berkobar-kobar setiap kali melihat perahu perang Iban dengan ratusan pahlawan yang lengkap dengan pakaian perang mereka; berkumpul dan bersedia untuk turun berperang.

Pemerintahan Brooke adalah pemerintahan perseorangan; pemerintahan bercorak autokrasi. Namun begitu corak pemerintahan seperti ini diterima oleh rakyat. Rajah dan pegawai-pegawai Inggerisnya bergaul bebas dengan rakyat di bawah pemerintahannya. Di Kuching, beberapa acara rasmi tertentu dihormati dan majlis-majlis keraian Brooke adalah cantuman budaya Melayu dan Inggeris. Lambang kekuasaan tetap penting, akan tetapi Rajah yang berjalan gagah di bawah payung kebesaran berwarna kuning dalam upacara-upacara tertentu itu jugalah Rajah yang sentiasa bersedia untuk bertemu dengan rakyatnya.

Di samping itu, Rajah juga menghadapi kelemahan

dan kekurangan dalam rejim yang bercorak autokrasi itu. Rajah Charles yang semakin tua itu mempunyai orang yang disukainya sendiri, mengakibatkan timbulnya rasa cemburu dan salah sangka dalam pemerintahan selanjutnya. Rajah Vyner pula lambat dalam menyesuaikan diri dengan perubahan keadaan dalam kurun kedua puluh itu, mengakibatkan orang bumiputera kurang bersedia untuk menempuh zaman selepas Perang Dunia Kedua itu. Tetapi perang seperti itu, juga tentang apa yang ada pada zaman moden, mungkin tidak dapat diramalkan oleh Rajah dan pegawai-pegawainya pada tahun 1930-an, pentadbir-pentadbir kepada negeri yang wujud dalam keadaan terasing hampir seratus tahun lamanya itu. Namun taat setia rakyat kepada Rajah telah berjaya ditanam dengan berkesan, kerajaan pula kecil, personaliti Rajah serta pegawai-pegawainya dianggap lebih penting daripada dasar kerajaan. Dalam soal personaliti ini, Rajah Charleslah yang paling menonjol. Jika James dianggap sebagai pengasas Sarawak, Charles pula dianggap sebagai pembina negeri ini. Beliaulah pembentuk tradisi yang menjadi ikutan pengganti beliau. Apabila seseorang pegawai yang berkhidmat selepas perang pergi melawat ke kawasan-kawasan pedalaman, mereka baharu menyedari bahawa Rajah yang lebih disanjung oleh orang tua-tua ialah Rajah Charles, bukan Vyner.

Gambar-gambar yang kami paparkan cuba untuk menggambarkan sesuatu yang mengharumkan nama Rajah, usaha-usahanya untuk melaksanakan hasratnya di sebalik caranya yang tidak formal itu. Sebagai pengimbang kepada gambar-gambar pegawai yang berpakaian seragam, kami muatkan gambar Raneé Margaret yang sedang berehat-rehat di Batang Lupar serta gambar Residen Hose yang sedang bermesyuarat dengan perwira-perwiranya. Banyak perkara tentang Rajah yang mungkin nampak agak aneh pada pandangan mata dunia moden sekarang. Orang Sarawaklah yang paling sesuai untuk menghakimi sendiri akan pencapaian yang dilakukan oleh pemerintah Brooke. Kami catatkan per-

SARAWAK PURBA

kara ini di sini sebagai sebahagian daripada sejarah yang menarik, sebagai satu keunikan berpolitik orang Eropah di Asia serta sebagai sebuah kehidupan yang mempunyai nilai yang tersendiri bagi mereka yang pernah mengalami sendiri pemerintahan Rajah Brooke.



Rajah Charles Brooke.

SARAWAK PURBA



Ranee Margaret, Puan Maxwell dan wanita-wanita Melayu.




Ranee Margaret dan rombongan berkelah di Batang Lupar.



Kuda yang paling disayangi oleh Rajah Charles.

SARAWAK PURBA



Pertabalan Vyner Brooke, tahun 1917.



Selepas pertabalan Vyner Brooke.



Ranee Sylvia berpakaian Melayu.



Charles Hose berpakaian seragam negeri Sarawak.



Angkatan perang orang Iban dalam pergerakan melawan pemberontak.



Residen Hose sedang memberikan taklimat kepada orang Iban semasa kempen.

SARAWAK PURBA




Upacara perdamaian dengan Kana dan pemberontak Iban di Kanowit, 1906.



Upacara perdamaian di Marudi, 1899.




Para hadirin di upacara perdamaian di Marudi, 1899.




Bahagian dalam Kubu Baram di Marudi.

SARAWAK PURBA




Anggota Renjer Sarawak berpakaian seragam.



Anggota Renjer berpakaian pereman.

PEMERINTAHAN BROOKE



Jamuan Datu Shahbandar, tahun 1936.

Berdiri dari kiri ke kanan:

Abang Haji Fadzil, Abang Bismi, N.E. Hughes,
H.B. Crocker, W.F. Dick, Anthony Brooke,
C.D. Le Gros Clarke.

Duduk dari kiri ke kanan:

Puan Dick, (tidak dikenali), Tuan Muda Bertram Brooke,
Datu Patinggi Abang Haji Abdillah, Dayang Anne,
Datu Iman Abang Haji Morshidi, Puan Le Gros Clarke.

SARAWAK PURBA



Ahli Majlis Tertinggi tahun 1880 (Maxwell duduk di sebelah kiri).



Ahli kaum Melayu dalam Majlis Tertinggi pada tahun 1918.


Gambar dari kiri ke kanan:

Datu Temenggong Abang Haji Mohammed Ali, Datu Bandar Abang Haji Mohammed Kassim, Datu Iman Haji Rais Mohammed, Tua Kampung Grisek, Encik Mohammed Zin.

SARAWAK PURBA



Pegawai-pegawai di Simanggang pada tahun 1913.



Perlantikan Datu (Encik Mohammed Zin) pada tahun 1928.

SARAWAK PURBA



Pegawai Eropah pada tahun 1872.



O.F. Ricketts, Residen pertama bagi Lawas dan Trusan.

SARAWAK PURBA



Datin Isa, isteri kepada Datu Bandar Bua Hassan dan anak-anak.



Dayang Sahada (1890).

RAKAMAN PENGHARGAAN ATAS SUMBANGAN GAMBAR

1. Beebe, William, *Pheasant Jungles*, New York and London, G.P. Putnam and Sons, 1927. Temenggong Koh (ms 39)
2. Brooke, Margaret, *My Life in Sarawak*, London, Methuen and Co., 1913.
Ranee Margaret dan rombongan berkelah di Batang Lupar (ms 94), Datin Isa, isteri kepada Datu Bandar Bua Hassan dan anak-anak (ms 110), Dayang Saha-da (ms 110).
3. Brooke, Ranee Sylvia, *Sylvia of Sarawak*, London, Hutchinson and Co., 1936.
Pertabalan Vyner Brooke, 1917 (ms 96), Ranee Sylvia berpakaian Melayu (ms 97).
4. Burnett, Frank, *Summer Isles of Eden*, London, Sifton, Praed and Co., Ltd., 1923.
Ketua kaum Skapan dan isteri-isterinya, di Ulu Rejang (ms 49), Perarakan Orang Cina di sepanjang Main Bazaar, 1900 (ms 72).
5. Gomes, Edwin, *Borneo*, Westminster, Rumah S.P.G. 1930, Sekolah Perempuan S.P.G., Kuching, 1910 (ms 75).
6. Gomes, Edwin, *The Sea Dayaks of Borneo*, Westminster, Society for the Propagation of the Gospel in Foreign Parts, 1917 (Edisi Ke-3). Orang Iban di Bahagian Sri Aman (ms 37), Latihan senaman (ms 76).
7. Hose, Charles, *Fifty Years of Romance and Research*, London, Hutchinson and Co., 1927. Orang Kleman-tan di Madang (ms 35).

8. Hose, Charles, *Natural Man: A Record from Borneo*, London, MacMillan and Co., Ltd., 1912.

Jilid I:

Tama Bulan Wang, Ketua Kaum Kenyah (ms 35),
Abang Deng, Ketua Kaum Klemantan di Long Wat
(ms 35),

Wanita Iban menari membawa kepala (ms 38),
Orang Kayan menghidupkan api dengan cara pusa-
ran (ms 40),

Gadis Kenyah membawa kepala (ms 41),

Tama Usong, Ketua Kaum Kayan (ms 42),

Tukang besi kaum Kelabit menggunakan tukul batu
(ms 44),

Lelaki Kelabit (ms 44),

Bayi Kaum Melanau memakai pembentuk kepala
(ms 51),

Bahagian dalam rumah panjang kaum Kayan (ms
57),

Angkatan perang orang Iban dalam pergerakan me-
lawan pemberontak (ms 98).

Jilid II:

Dayong (Bomoh) orang Kenyah memakai topeng
(ms 43),

Lelaki Dayak Darat (ms 46),

Residen Hose sedang memberikan taklimat kepada
orang Iban semasa kempen (ms 99),

Upacara perdamaian dengan Kana dan pemberon-
tak Iban di Kanowit, 1906 (ms 100),

Upacara perdamaian di Marudi, 1899 (ms 100),

Hadirin di upacara perdamaian di Marudi, 1899 (ms
101),

Bahagian dalam Kubu Baram di Marudi (ms 101).

9. Longhurst, Henry, *The Borneo Story*, London, New-
man Neame Ltd., 1956.

Peneroka mencari kehidupan di Ulu Sarawak (ms
84), Trem Bau-Bidi (ms 84).

10. Mjoberg, Eric, *Borneo: Het land der Koppensnellers*. Zeist Netherlands, 1927.
Orang Melanau dengan pakaian teristimewa mereka (ms 51),
Penjaja di Kuching pada tahun 1915 (ms 73),
Kanak-kanak Cina (ms 80).
11. Roth, Ling, *The Natives of Sarawak and British North Borneo*, London, Truslove and Hanson, 1896.
Orang Iban Batang Lupar (ms 36),
Wanita Kanowit di Ulu Sungai Rejang (ms 50).
12. Gambar-gambar lain diperolehi daripada koleksi Muzium Sarawak dan orang perseorangan seperti yang tersebut dalam Kata Pengantar.
13. Lukisan perhiasan pada ruang tepi teks disalin daripada buku Ling Roth, *The Natives of Sarawak and British North Borneo*.